

## Usahawan UPM tubuh salun jenama sendiri, Zue Beauty Saloon

Oleh : Zulaika Zull Kafli



Kecantikan dan wanita tidak dapat dipisahkan. Menjadi lumrah bagi setiap wanita untuk sentiasa ingin tampil cantik dan menawan. Penampilan diri yang menarik disusuli dengan dandanan rambut dan tatarias membuatkan wanita kelihatan cantik sekaligus tampil berkeyakinan. Menyedari akan minat yang mendalam terhadap bidang kecantikan, graduan Bachelor Komunikasi Korporat Universiti Putra Malaysia (UPM), Nur Zulaikha Raduian, 26 tahun, merealisasikan impiannya dengan membuka salun kecantikan pertama milik beliau iaitu Zue Beauty Salon.

Zue Beauty Saloon, salun kecantikan yang menawarkan perkhidmatan menggunting dan dandanan rambut khusus bagi lelaki dan wanita. Memulakan operasi perniagaan sekitar September 2018, salun kecantikan ini menawarkan harga serendah RM10 untuk perkhidmatan menggunting rambut bagi pelanggan lelaki dan RM13 bagi pelanggan wanita. Turut dijual pakaian “preloved” dan pelbagai produk kecantikan wanita. Bukan itu sahaja, antara perkhidmatan lain yang turut ditawarkan di salun ini adalah servis tatarias wajah serendah RM35 bagi wanita yang ingin ke majlis-majlis rasmi, majlis makan malam dan sebagainya. Harga yang murah bagi setiap perkhidmatan setanding dengan kualiti membuatkan salun ini dikunjungi pelanggan yang rata-ratanya dari kalangan pelajar UPM.



### **Senarai harga dan perkhidmatan gunting dan dandanan rambut di Zue Beauty Saloon.**

Pemilik Zue Beauty Saloon, Nur Zulaikha memanfaatkan platform yang diberikan oleh Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) untuk menubuhkan perniagaannya sendiri. Beliau memulakan perniagaan dengan mengikuti program anjuran CEM iaitu *Start-Up Business* pada tahun pertama pengajian beliau. Selain mengikuti pelbagai program keusahawanan yang lain anjuran CEM, beliau juga pernah mengikuti kursus keusahawanan di Korea untuk menimba ilmu dalam bidang perniagaan.

Di akhir tahun pengajiannya, dengan berbekalkan RM8,000 sebagai modal perniagaan, Nur Zulaikha membuka salon kecantikan Zue Beauty Saloon bertempat di Kompleks Akademi A, UPM. Sebelum salon di Kompleks Akademi A ini dibuka, Zue Beauty Saloon terlebih dahulu dibuka di Kolej Tun Dr Ismail (KTDI), UPM. Namun, menurut beliau salon itu terpaksa ditutup atas faktor lokasi dan persekitaran.

Bukan sekadar angan-angan, anak kelahiran Ipoh, Perak ini turut mempersiapkan diri dengan ilmu kecantikan dengan mengikuti kelas dan kursus kemahiran kecantikan wanita. Sijil kemahiran kecantikan wanita yang dimiliki beliau melayakkan beliau digelar perunding kecantikan yang bertauliah. Sehingga kini, beliau masih menghadiri kursus-kursus kecantikan untuk menambahkan ilmu dalam bidang ini.



**Pemilik salon, Nur Zulaikha sedang mendandan rambut pelanggan di Zue Beauty Saloon.**

Dedikasi dan cintanya terhadap bidang kecantikan membuahkan hasil apabila beliau dianugerahkan pemenang Anugerah Usahawan Siswi Terbaik UPM 2018 dan Anugerah Ikon Usahawan Siswa UPM 2018. Kedua-dua anugerah yang dicapai ini merupakan penghargaan terhadap penglibatan aktif beliau dalam bidang keusahawanan di UPM iaitu dengan menubuhkan Zue Beauty Saloon.



Nur Zulaikha ketika menerima Anugerah Usahawan SIswi Terbaik UPM 2018.



Nur Zulaikha dianugerahkan Ikon Usahawan Siswa CEM UPM 2018.

*“Daripada kecil saya sudah menyimpan angan-angan untuk mengusahakan perniagaan sendiri, untuk ada perniagaan sendiri. Boleh dikatakan sejak di bangku sekolah lagi. Namun, saya tiada peluang dan ilmu dalam bidang ini. Kerana itulah, apabila saya melanjutkan pelajaran di UPM, saya memberanikan diri untuk sertai program keusahawanan di CEM. Dari situlah, segalanya bermula. Saya bersyukur kerana CEM menyediakan platform untuk membantu usahawan yang berminat seperti saya untuk menceburi bidang perniagaan”*, katanya.

### **Kenali minat dan potensi diri, kunci kejayaan ceburi bidang perniagaan**

Setiap perniagaan pasti ada pasang surutnya. Pasti ada halangan dan cabaran yang harus ditempuhi. Apabila ditanya mengenai cabaran dan halangan sepanjang mengusahakan salun ini apatah lagi ketika masih dalam pengajian ijazahnya, pemenang Anugerah Usahawan Siswi Terbaik UPM 2018 dan Anugerah Ikon Usahawan Siswa UPM 2018 menegaskan minatnya terhadap bidang kecantikan mengatasi segalanya.

*“Kejayaan yang saya miliki pada harini tidak mudah. Saya akui ada kalanya perasaan ingin menyerah itu ada. tapi itu tidak membuatkan saya berputus asa. Jika perasaan itu datang, saya segera mengingatkan diri saya kembali bahawa ini adalah minat yang saya tanam dalam diri sejak kecil. Saya bermula secara kecil-kecilan. Ketika masih dalam pengajian, saya berniaga kecil-kecilan di asrama kediaman dengan menjual makanan dari bilik ke bilik iaitu spaghetti carbonara dan juga air kotak minuman berperisa yang saya letakkan di tangga asrama. Saya juga ada melakukan beberapa perniagaan kecil-kecil yang lain. Dengan hasil aktiviti perniagaan inilah saya jadikan modal untuk membuka salun kecantikan sendiri”*, ulas beliau.

*“Kerana itu saya kata bukan mudah untuk menceburi bidang perniagaan. Apatah lagi jika tiada minat. Dorongan saya yang utama adalah minat saya. Minat saya yang terlalu tinggi terhadap bidang kecantikan. Keluarga juga memberikan semangat dan menyokong minat saya. Pada awalnya, saya mendapat sedikit tentangan dari keluarga yang menginginkan saya untuk tidak bekerja sendiri dan menjadi usahawan sepenuh masa. Tapi, saya membuktikan kepada mereka bahawa saya mampu sehingga membuka salun kecantikan jenama sendiri, Zue Beauty Saloon. Apabila kita kenali minat dan impian kita, itu adalah motivasi sebenar yang menggerakkan kita untuk terus berusaha dan tidak berputus asa. Tidak kisah walau apa jua minat dan bidang yang kita ingin ceburi, tidak semestinya khusus untuk bidang perniagaan sahaja”*, jelas beliau lagi.

*“Nasihat saya buat mereka yang ingin ceburi bidang perniagaan adalah pertama sekali, kenali minat dan potensi diri. Ceburi bidang perniagaan yang berasaskan minat bukan kerana paksaan atau sebagainya. Kemudian, sertai bengkel-bengkel atau program-program keusahawanan untuk timba ilmu. Selebihnya, teruskan usaha dan tidak berputus asa bak pepatah inggeris mengatakan “Great things take time”, jelas beliau mengakhiri perbualan.*

Untuk mendapatkan perkhidmatan dandanan rambut, kunjungi Zue Beauty Saloon beroperasi pada hari Isnin sehingga Sabtu, bermula jam 9.00 pagi sehingga jam 10 malam di Kompleks Akademi A, UPM.